

# LANDASAN BAGI MENGONGSIKAN PERKEMBANGAN, HALA TUJU UNISSA



YANG Berhormat Ahli MMN pada Sesi Muzakarah berkenaan.

**GADONG**, Sabtu, 17 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA, di sini.

Hadir bagi mengalau-alukan rombongan Ahli-ahli MMN pada Sesi Muzakarah tersebut, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Rombongan Ahli-ahli MMN yang menghadiri Sesi Muzakarah tersebut diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, UNISSA ditubuhkan pada 1 Januari 2007 dan usia UNISSA kini sudah menjangkau 14 tahun.

"Dalam usianya yang muda ini serta melihat potensinya untuk berkembang di rantau ini, maka UNISSA menetapkan visinya sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik UNISSA 2019-2023 untuk menjadi hab pengajian tinggi Islam di rantau ini. Visi ini adalah sejarah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-8 yang diadakan pada 17 September 2018," tambahnya.

Manakala Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli selaku Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN dalam ucapan balasnya menjelaskan, permuzakarahan ini diadakan antara lain bertujuan untuk Ahli-ahli MMN akan dapat



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ketika mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA.

## Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

secara dekat lagi memahami dan mengetahui peranan UNISSA sebagai sebuah institusi pendidikan yang mengeluarkan graduan-graduan yang berpendidikan dan akan dapat sama-sama membangun negara.

"Dengan keadaan permasalahan pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini, ditambah lagi dengan harga minyak yang tidak menentu, sekatan perjalanan, negara-negara turut juga menghadapi defisit dengan bertambahnya pengangguran, kehilangan pekerjaan, perniagaan dan sebagainya. Ia juga turut kitani rasai dan alami di negara kitani pada ketika ini, maka perlunya kerjasama daripada semua pihak agar dapat memainkan peranan masing-masing dalam membangunkan negara yang kita cintai ini.

"Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam sebuah negara dalam memastikan untuk

menghasilkan dan mengeluarkan cerdik pandai yang *marketable* daripada masa ke semasa," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, UNISSA selama ini berjaya mengeluarkan graduan yang dapat mengisi jawatan-jawatan di Perkhidmatan Awam dan juga sektor swasta.

"Tidak terkecuali, graduan yang kini menjadi usahawan-usahawan muda dalam pelbagai bidang dan turut melibatkan diri dalam mengikuti kursus-kursus pendek.

"Seperti yang pernah dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, UNISSA juga diberikan peranan untuk mengambil alih fakulti pertanian," tambah Yang Berhormat lagi.

Permuzakarahan seterusnya disusuli dengan sesi taklimat mengenai perkembangan dan hala tuju UNISSA yang disampaikan oleh Rektor UNISSA dan dialog antara Ahli-ahli MMN dan pihak UNISSA.

Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli MMN ini merupakan landasan bagi UNISSA untuk mengongsikan maklumat terkini tentang perkembangan dan hala tuju UNISSA berpandukan kepada Pelan Strategik UNISSA 2019-2023 bagi tempoh lima tahun yang selaras dengan usaha untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan berkongsi idea, pandangan dan cadangan ke arah meningkatkan kerjasama sepadu.

Turut hadir dalam sesi muzakarah ini, Pegawai-pegawai Eksekutif dan Pegawai-pegawai Utama UNISSA.



REKTOR UNISSA semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Sesi Muzakarah tersebut.

## MEMPERKENALKAN LAMAN MEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 21 Julai 2021
- 'Ibadah Korban Mengajar Erti Berkongsi'. Tarikh Tutup : 28 Julai 2021
- 'Belia Pemangkin Kemajuan Negara'. Tarikh Tutup : 4 Ogos 2021

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU